

## **PENGARUH SOSIOBUDAYA DALAM KALANGAN PELAJAR ANTARABANGSA DI UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

SOCIOCULTURE INFLUENCE AMONG INTERNATIONAL STUDENTS AT  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH (UMS)

Irma Wani Othman<sup>1</sup>  
Hasbullah Awang<sup>2</sup>  
Muhammad Safuan Yusoff<sup>3</sup>  
Herlina Jupiter<sup>4</sup>

<sup>1</sup>Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, 84000 Kota Kinabalu, Sabah, Tel: +6088320000  
E-mail: irma@ums.edu.my

<sup>2, 3&4</sup>Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan, Universiti Malaysia Sabah, 87000 Wilayah Persekutuan Labuan,  
Tel: +6088460486 E-mail: hasbullahawang87@yahoo.com

Accepted date: 3 January 2017, Published date: 31 March 2017

---

**Abstrak:** *Pengantarabangsaan pendidikan bukan sahaja mengangkat martabat sesebuah negara, akan tetapi ianya juga antara penyumbang utama terhadap ekonomi negara. Malaysia mengorak langkah dalam pengantarabangsaan dengan mengrekrut pengambilan pelajar antarabangsa di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dalam mencapai misi wawasan 2020. Sebagai Universiti Awam ke sembilan yang di tubuhkan di Malaysia, Universiti Malaysia Sabah (UMS) menyahut cabaran pengantarabangsaan dengan menawarkan pelbagai program pengajian kepada pelajar antarabangsa. Dengan wujudnya kepelbagaian warganegara, UMS menjadi sebuah universiti yang dapat menonjolkan pelbagai budaya bukan sahaja daripada pelajar tempatan tetapi juga daripada pelajar antarabangsa itu sendiri. Objektif yang ingin di capai melalui kajian ini adalah ingin mengenalpasti pengaruh sosiobudaya dikalangan pelajar antarabangsa di UMS. Hasil kajian ini diharap dapat membantu UMS dalam mempelbagaikan lagi program dengan melibatkan pelajar antarabangsa dan masyarakat tempatan melalui pendedahan kepada budaya tempatan agar pelajar antarabangsa ini tidak berasa kekok sepanjang tempoh pengajian mereka*

**Kata Kunci:** Universiti Malaysia Sabah, Sosio Budaya, Pelajar Antarabangsa

**Abstract:** *The internationalization of education not only to uplift the status of a country, but it is also a major contributor to the national economy. Malaysia took a step in the internationalization of the recruitment intake of international students in institutions of higher learning (IPTA) in achieving the mission of Vision 2020. For the nine public universities to set up in Malaysia, University Malaysia Sabah (UMS) took up the challenge of internationalization by offering a variety of programs for international student. With the diversity of citizens, UMS into a university that can highlight the various cultures of not only local students but also of the international students themselves. The objective is to identify the influence of socio-cultural among international students in UMS. The study is expected to help diversify the UMS program involving international students and the local community through exposure to the local culture so that students do not feel awkward during their study period.*

**Keywords:** Universiti Malaysia Sabah, Social-cultural, International Students.

---

### **Pengenalan**

Bagi memacu ke arah wawasan 2020, kerajaan merangka pelbagai persediaan bagi memastikan Malaysia menjadi sebuah pusat pendidikan yang setanding dengan negara maju. Ini dinyatakan dalam Pelan Strategik Interim Kementerian Pendidikan Malaysia, Pelan Pendidikan Pembangunan Malaysia (2013-2025). Sistem yang diiktiraf diperingkat antarabangsa akan menghasilkan graduan yang berkebolehpasaran, menjana kreativiti dan berinovasi melalui peyelidikan dan pembangunan. Kehadiran pelajar antarabangsa yang melanjutkan pengajian di Malaysia membuktikan bahawa kualiti pendidikan dalam negara diiktiraf seluruh dunia.

Institusi pengajian tinggi perlu melihat kehadiran pelajar antarabangsa ini bukan sahaja sebagai sumber penjana ekonomi negara akan tetapi mereka ini adalah sebagai jaringan dan aset yang amat berharga dalam menghasilkan output yang berkualiti tinggi. Sektor pendidikan perlu berkembang dan melalui perubahan anjakan paradigm agar dapat dirintis kepada satu tahap yang lebih tinggi bagi mengangkat martabat sistem pendidikan negara menyaingi sistem pendidikan di peringkat global.

Bagi memastikan kelestarian kewujudan pelajar antarabangsa ini, Institusi Pengajian Tinggi perlu mewujudkan suasana yang kondusif bagi menjamin pengalaman tahun pertama pelajar antarabangsa ini lebih bermakna disamping dapat menjamin kepuasan mereka sepanjang tempoh pengajian. Objektif kertas konsep ini adalah ingin mengenalpasti pengaruh sosiobudaya dalam kalangan pelajar antarabangsa di UMS.

### **Pernyataan Masalah**

UMS merupakan sebuah universiti komprehensif yang menyahut cabaran dalam pengantarabangsaan dengan menawarkan pelbagai program diperingkat Pra Siswazah menerima kehadiran pelajar antarabangsa dari seluruh dunia. Kehadiran pelajar antarabangsa ini akan terhasilah percampuran antara budaya dikalangan pelajar antarabangsa mahupun pelajar tempatan yang mempunyai kepelbagaian kewarganegaraan.

Umumnya, pelajar antarabangsa ini berhadapan dengan pelbagai masalah sosiobudaya dek kerana jurang perbezaan budaya antara negara asal mereka dengan budaya tempatan. Oleh yang demikian, pelajar antarabangsa ini perlu mengadaptasi norma dan amalan masyarakat tempatan khususnya bagi merasai mereka adalah sebahagian daripada komuniti masyarakat tempatan agar tidak merasa tersisih sepanjang tempoh pengajian mereka. Jadual 1 menunjukkan enrolmen pelajar antarabangsa yang berdaftar di UMS.

**Jadual 1: Pendaftaran Pelajar Antarabangsa di UMS Sesi 2009/2010- 2015/2016**

<b>SESI</b>	<b>BIL (ORANG)</b>
2009/2010	125
2010/2011	128
2011/2012	187
2012/2013	171
2013/2014	111
2014/2015	150
2015/2016	167
2015/2016 (Feb)	30
<b>Jumlah</b>	<b>1,069</b>

Sumber: [www.ums.edu.my/phea/index.php/ms/](http://www.ums.edu.my/phea/index.php/ms/) akses 26 Januari 2017

Statistik dalam jadual 1 menunjukkan enrolmen pelajar antarabangsa di UMS bagi sesi 2009/2010-2015/2016. Jika diperhatikan terdapat peningkatan enrolmen pada sesi 2009/2010 dari 125 orang kepada 128 orang sesi 2010/2011. Enrolmen sesi 2011/2012 memperlihatkan sebanyak 187 orang menurun kepada 171 orang pada sesi 2012/2013. Pola menunjukkan enrolmen pelajar antarabangsa di UMS adalah tidak sekata kerana terdapat peningkatan dan juga penurunan bagi setiap sesi.

### **Signifikan Kajian**

1. Kajian ini berguna dalam meningkatkan pemahaman pelajar antarabangsa terhadap budaya tempatan sepanjang tempoh pengajian mereka.
2. Kajian ini dapat menyumbang dari aspek pembudayaan dalam kalangan pelajar antarabangsa dan juga pelajar tempatan agar interkasi antara budaya dapat dijalankan.

### **Skop Kajian**

Penghujahan kertas konsep ini diharap dapat memberi faedah kepada Institusi Pengajian Tinggi di mana ianya dapat dimanfaatkan bagi menarik lebih ramai pelajar antarabangsa untuk melanjutkan pengajian seterusnya pihak universiti dapat mengambil inisiatif dalam mewujudkan pengalaman yang bermakna kepada pelajar tahun pertama pelajar antarabangsa di UMS.

## **Sorotan Literatur**

Kajian terdahulu juga mendapati bahawa faktor budaya adalah faktor yang mempengaruhi keputusan pelajar antarabangsa untuk melanjutkan pengajian. Ini kerana terdapat antara mereka ingin mempelajari budaya baharu yang mana ianya berbeza dari budaya mereka sendiri (Singh; Schapper dan Jack, 2014). Kebanyakan juga pelajar antarabangsa memilih untuk melanjutkan pengajian ke luar negara yang mempunyai budaya berbeza kerana mereka beranggapan bahawa mempelajari budaya yang baharu adalah pengalaman yang sangat berharga kepada mereka. Sebagai contoh Lu wang (2015) mendapati bahawa pelajar China memilih New Zealand untuk melanjutkan pengajian kerana kadar rasuah yang rendah dan tahap tinggi dari aspek keadilan dan kejujuran.

Cabaran utama yang dihadapi pelajar antarabangsa adalah mereka merasai bahawa diri mereka terasing dan juga keliru dengan budaya yang baru (Sakurai, 2014). Dapatan kajian Gresham (2015) menyatakan para pelajar antarabangsa ini memerlukan sistem sokongan yang baik untuk mereka menerajui hidup di dalam konteks budaya dan persekitaran baharu mereka. Kejayaan interaksi antara budaya lebih mudah dicapai sekiranya wujud persamaan antara kedua-dua budaya. Ini dapat dilihat antara persamaan yang terdapat antara budaya pelajar antarabangsa dan juga budaya pelajar tempatan. Interaksi budaya adalah pertemuan antara dua budaya yang berbeza di kalangan pelajar ketika berhubung dan berkomunikasi dalam menjalankan kerja kumpulan dan melalui proses pembelajaran (Colvin *et al*; 2012).

Perbezaan dari segi budaya akan menimbulkan beberapa kekangan bukan sahaja dari sudut bahasa dan budaya tetapi juga dari sudut perbezaan kaedah pembelajaran serta keperluan terhadap metod pengajaran. Perbezaan antara budaya juga akan memberi pendedahan kepada pelajar antarabangsa kepada satu pengalaman komunikasi antara budaya di mana ianya merangkumi interaksi antara manusia yang mempunyai persepsi budaya yang berbeza (Samovar, 2015). Kejayaan interaksi antarabudaya lebih mudah dicapai jika keserasian wujud dan terdapat persamaan antara kedua-dua budaya (Mehdizadeh dan Scott, 2014) iaitu antara budaya yang dibawa oleh pelajar antarabangsa dengan pelajar tempatan.

Hasil kajian Kim (2015) mendapati bahawa kejutan budaya adalah disebabkan kekeliruan pelajar antarabangsa ini dalam menerima budaya dan persekitaran baharu dalam hidup mereka. Ini disokong oleh Oberg (2013) yang mana kejutan budaya terhasil apabila perpindahan atau penghijrahan daripada sesuatu tempat yang kita tidak biasa. Ini bermaksud pelajar antarabangsa merasakan kesukaran dalam menyesuaikan diri dipersekitaran dan budaya baharu.

Dalam kajian (Albatah, 2013; Lagree, 2012; McMahon, 2011; Mazzarol dan Soutar, 2002) menunjukkan antara faktor tarikan termasuklah peluang mendapat pekerjaan selepas tamat pengajian, kerjaya yang lebih baik, mendapat pengetahuan baru, jaringan budaya dan juga tarikan promosi.

## **Kerangka Teoritik**

Melalui kerangka konseptual ini, pengkaji memilih model yang telah diperkenalkan oleh Mazzarol dan Soutar (2002) iaitu faktor tolakan (Dalaman) dan faktor tarikan (Luaran).

Terdapat 6 aspek utama dalam faktor tarikan, antaranya; (i) Pengetahuan dan kesedaran terhadap negara destinasi; (ii) Cadangan ibubapa, kawan, ejen serta reputasi antarabangsa institusi pengajian; (iii) Kos pengajian yang mampu dan berpatutan; (iv) Persekitaran pembelajaran yang kondusif; (v) Kedudukan negara tuan rumah yang strategik; (vi) Menawarkan prasarana dan infrastruktur yang lengkap dan mempunyai jaringan sosial yang menyeluruh. Seterusnya melalui faktor tolakan terdapat 5 aspek utama dalam model Mazzarol dan Soutar (2002), antaranya; (i) Program yang ditawarkan oleh Institusi Pengajian luar negara lebih baik berbanding tempatan; (ii) Kesulitan memperolehi program pengajian yang diinginkan di institusi pengajian dalam negara; (iii) Kemahuan untuk mendedahkan diri terhadap budaya negara luar (budaya asing); (iv) Keinginan untuk mendapatkan pengalaman dengan berhijrah ke negara destinasi pilihan; (v) Kesukaran untuk memperolehi tempat pengajian di universiti tempatan. Faktor tarikan dan faktor tolakan ini amat perlu dipertimbangkan oleh pelajar antarabangsa sebelum membuat keputusan untuk melanjutkan pengajian di luar negara.

### **Metodologi Kajian**

Kajian yang dijalankan adalah menggunakan kaedah penyelidikan secara kualitatif dan melalui penggunaan kajian kes bagi menghuraikan fenomena yang berlaku secara mendalam. Kaedah bagi penyelidikan ini adalah melalui kaedah temu bual secara mendalam kerana ianya mempunyai kelebihan dari segi mendapatkan kesahan data yang diperolehi. Melalui temu bual secara mendalam ini, data akan dikumpul berpandukan protokol yang telah dibina bagi memastikan temu bual yang dijalankan mengikut protokol yang ditetapkan. Seramai 20 orang pelajar antarabangsa dari 10 buah fakulti di UMS dipilih secara rawak dan sukarela dalam temu bual tersebut.

### **Perbincangan**

Pemilihan dari aspek sosiobudaya bagi melanjutkan pengajian ke luar negara juga antara aspek yang diambil kira oleh pelajar antarabangsa. Ini bagi memastikan mereka dapat menyesuaikan diri dipersekitaran baharu di samping mendapat pengalaman yang bermakna sepanjang tempoh pengajian. Oleh itu, cadangan dalam meningkatkan kepada pendedahan budaya tempatan haruslah dipertingkatkan bagi memperkenalkan budaya Malaysia diperingkat global. Sebagai contoh menerusi Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan (KPKK) bersama Kementerian Pelancongan dalam program Minggu Malaysia London 2012 (MML) dilihat sebagai cadangan bagi memperkenalkan seni budaya, warisan dan kepelbagaian masyarakat yang terdapat di Malaysia. Di samping itu, dengan mengadakan pameran berkaitan budaya tempatan diperingkat antarabangsa dapat mempromosikan kepelbagaian multietnik negara Malaysia. Ini dapat menarik lebih ramai lagi pelajar antarabangsa untuk melanjutkan pengajian dan juga dapat meningkatkan penjana ekonomi negara. Seperkara lagi, adanya program melibatkan pertukaran pelajar dengan universiti luar negara juga dapat memperkenalkan pelajar antarabangsa dengan budaya di Malaysia. Pertukaran pelajar ini dilihat sebagai medium untuk mereka mempelajari tentang budaya tempatan di samping dapat merasai sendiri keunikan dan keistimewaan kepelbagaian budaya yang terdapat di Malaysia.

### **Kesimpulan**

Kertas konsep ini membincangkan pengalaman sosiobudaya dalam kalangan pelajar antarabangsa di UMS. Ianya turut memperlihatkan signifikan dan skop kajian di mana kertas

konsep ini diharap dapat diperluaskan dan memberi manfaat dalam menarik lebih ramai lagi kedatangan pelajar antarabangsa ke UMS. Kertas konsep ini juga turut mencadangkan beberapa cadangan dalam memperkenalkan budaya Malaysia di peringkat global seterusnya dapat menjadikan Malaysia sebagai hab kecemerlangan pusat pendidikan yang terkemuka di dunia.

## Rujukan

- Albatah PG (2013) *Higher education crosses borders*. Change, pp. 18-24.
- Gresham, R. (2015, April). Interaction between international students and local communities: Can we make it happen, and if so, what are the outcomes for the students, Communities and university? *Journal of the Australia and New Zealand Student Services Association*. **21**:20-34.
- Kim, Y. Y. (2015). *Communication and cross cultural adaptation: An integrative theory*. The University of Michigan.
- Lagrée JC (2012) Asian international student mobility: The issue of identity amongst overseas Chinese students. *Journal of Social Sciences* **10**, 73-83.
- Lu Wang, C, Chung, K-C, Holdsworth, DK, Li, Y & Fam, K-S 2015, 'Chinese "Little Emperor"', cultural values and preferred communication sources for university choice', *Young Consumers*, vol. 10, no. 2, pp. 120-32.
- Mazzarol T, Soutar GN (2002) Push-pull factors influencing international student destination choice. *International Journal of Educational Management* **16** (2), 82-90.
- McMohan M (2011) Higher education in a world market: A historical look at the global context of international study. *Higher Education* **24** (2), 465-482.
- Mehdizadeh, N., & Scott, G. (2005). Adjustment problems of Iranian international students in Scotland, **6** (4), 484-493.
- Oberg, K. 2013. Cultural shock: adjustment to new cultural environment. *Practical Anthropology*. **7**: 177-182.
- Singh, JKN, Schapper, J & Jack, G 2014, 'The importance of place for international students' choice of university A case study at a Malaysian university', *Journal of Studies in International Education*, vol. 8, no. 5, pp. 463-74.
- Samovar, L. A. (2015). *Intercultural communication: A reader*. San Diego State University.
- Sakurai, T., McCall-Wolf, F, & Kashima, E. S. (2014). Building intercultural links: the impact of Multicultural intervention programme on social ties of international students in Australia. *International Journal of Intercultural Relations*. **2**(34): 176-185
- [www.ums.edu.my/phea/index.php/ms/akses](http://www.ums.edu.my/phea/index.php/ms/akses) 26 November 2016
- [www.ums.edu.my/akses](http://www.ums.edu.my/akses) 28 Januari 2017